



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.3/2022**

28 MAC 2022, ISNIN

09:00 PAGI SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.3/2022 bagi bulan Mac** pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 28 Februari 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM36.77juta (68.10%) daripada RM54 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM2.71juta (33.23%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
- 1.3 MPS telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada 87,799 akaun pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2021.
- 1.4 Tindakan waran tahanan bernilai RM100.00 akan dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 16 April 2021.

**2. BENGKEL PENINGKATAN SASARAN HASIL
BELANJAWAN TAHUN 2022**

- 2.1 Untuk makluman semua, pada 27 hingga 30 Mac ini, MPS akan mengadakan Bengkel Peningkatan Hasil MPS yang melibatkan semua pengarah jabatan.
- 2.2 Bengkel ini bertujuan untuk melihat semula prestasi kutipan hasil bagi tahun 2021 dan mengumpul input serta cadangan bagi meningkatkan hasil untuk tahun 2022.

**3. PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT)
BAGI TAHUN 2021**

- 3.1 Sesi pertemuan pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2021 dan Sasaran Kerja Tahun 2022 telah diadakan pada 3 hingga 4 Mac 2022.
- 3.2 Sesi pertemuan tersebut telah dijalankan dengan baik. Namun begitu, terdapat beberapa perkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh setiap jabatan agar

SKT yang telah kita tetapkan pada awal tahun ini dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik.

3.3 Di sini, saya ingin menyeru kepada semua pengarah agar dapat mengambil tindakan seperti yang telah dibincangkan di dalam pembentangan berkenaan.

4. TAPAK BAZAR RAMADAN 2022

4.1 Seperti semua sedia maklum, Majlis Keselamatan Negara telah pun memberi kelulusan pembukaan Bazar Ramadan pada tahun ini.

4.2 Untuk makluman semua, sebanyak **29 lokasi** Bazar Ramadan akan dibuka sepanjang bulan Ramadan ini dimana 20 lokasi dikelolakan oleh pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan 9 lokasi dikelolakan oleh pihak Persatuan. Jumlah tapak secara keseluruhan kawasan adalah sebanyak 1,731 petak.

- 4.3 Untuk makluman juga, satu taklimat bersama pengelola Bazar Ramadan 2022 telah diadakan pada 17 Mac 2022 bertempat di Bilik Siantan bertujuan untuk memastikan semua penganjur maklum tentang pengurusan yang lebih sistematik, mematuhi syarat permit, pengurusan sisa pepejal yang baik serta pematuhan SOP penganjuran Bazar Ramadan Tahun 2022.
- 4.4 Diharapkan penjaja dapat mematuhi prosedur standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh MKN serta mengekalkan tahap kebersihan dan mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit.

5. SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FDG)

- 5.1 MPS telah mengadakan Sesi Focus Group Discussion (FDG) bagi penyediaan Sustainable Development Goals (SDGs) Roadmap ke arah Pelaporan Volunteer Local Review (VLR) Majlis Perbandaran Selayang pada 17 dan 18 Mac 2021 bertempat di Everly Hotel, Putrajaya.
- 5.2 Sesi FDG dengan kerjasama Urbanice Malaysia ini telah disertai oleh saya, Timbalan Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis, para pengarah dan pegawai jabatan.
- 5.3 Antara pengisian taklimat ini adalah sesi perbincangan berkumpulan bagi memperincikan matlamat Sustainable Development Goals di MPS ke arah perbandaran mampan.
- 5.4 Diharapkan.....

6. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MPS TAHUN 2021

- 5.1 Bagi menghargai jasa dan sumbangan kakitangan, MPS akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2021. Insya Allah, majlis ini akan dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amiruddin bin Shari pada 1 April 2022 bertempat di Setia Eco Templer, Rawang bermula jam 2.30 petang.
- 5.2 Pada tahun ini, seramai 86 orang kakitangan MPS dari peringkat sokongan ke pengurusan akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).
- 5.3 Selain itu juga, sebagai tanda penghargaan MPS kepada pesara, kakitangan yang telah berkhidmat lama dan khidmat 25 tahun turut diraikan dengan adanya penyampaian anugerah untuk mereka.

5.4 Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan semoga lebih terus cemerlang dalam menjalankan tugas pada masa-masa akan datang.

7. PROGRAM EARTH HOUR MPS

8. UCAPAN SEMPENA KETIBAAN BULAN RAMADAN 1443 HIJRAH

6.1 Sempena bulan Ramadan yang bakal menjelma, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada semua Ahli Majlis, warga MPS dan warga Selayang yang beragama Islam.

6.2 Semoga Ramadan pada kali ini akan memberikan seribu kerahmatan dan keberkatan kepada kita semua.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.